



سيارن اخبار  
PRESS RELEASE

KEMENTERIAN KESIHATAN • Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.  
Tel: 2381640 samb./ext. 7734 • Faks/Fax: 2383016 • E-mel/E-mail: prohealth@brunet.bn

SIARAN AKHBAR 

## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

07 Syawal 1441 / 30 Mei 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Sabtu 07 Syawal 1441 bersamaan 30 Mei 2020, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang** manakala **jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan.
3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 168 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 19,130 ujian.

4. Seterusnya, berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah 249,869 orang ramai telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Disamping itu juga, sejumlah 4,355 syarikat dan premis telah mendaftar kepada aplikasi tersebut. Dengan ini, orang ramai yang belum mendaftar adalah disyorkan untuk memuat turun dan mendaftar ke aplikasi **BruHealth** tersebut. Kerjasama orang ramai dalam penggunaan aplikasi BruHealth serta mengimbas QR code di tempat keluar masuk premis akan sedikit sebanyak memastikan keselamatan orang ramai termasuk penjual dan pelanggan terjamin serta akan memudahkan Kementerian Kesihatan untuk membuat *contact tracing* sekiranya ada penularan jangkitan berlaku. Sama-samalah kitani saling ingat mengingati.

5. Alhamdulillah, solat Fardhu Jumaat telah mula diadakan pada hari kelmarin, Jumaat 06 Syawal 1441H bersamaan 29 Mei 2020 di semua masjid dan surau di seluruh negara semenjak penutupan masjid-masjid diumumkan pada 16 Mac 2020. Sejumlah 41,381 orang ramai telah membuat tempahan melalui aplikasi BruHealth bagi menunai solat Fardhu Jumaat. Bagi solat fardhu jumaat yang seterusnya, tempahan akan boleh dibuat pada setiap hari Isnin bermula jam 12 tengahari sehingga hari Jumaat berikutnya sebelum jam 12 tengahari.

6. Seterusnya, Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa mesej yang tular dari Whatsapp baru-baru ini mengenai seorang bekas pesakit (kes positif) COVID-19 menghadiri majlis rumah terbuka dan kemudiannya disahkan positif semula, dan seterusnya menyatakan seluruh ahli keluarga yang hadir pada majlis tersebut dipanggil untuk menjalankan ujian COVID-19 adalah tidak benar dan telah disebarkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh yang demikian, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak merasa cemas dengan mesej tular tersebut. Setakat ini, sepertimana yang dimaklumkan tadi, tidak ada kes jangkitan COVID-19 baru didapati di Negara Brunei Darussalam.
7. Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dan percaya akan maklumat-maklumat dan berita yang disebarkan melalui Internet atau melalui media-media sosial tanpa memastikan kesahihannya. Seterusnya orang ramai juga diperingatkan untuk lebih bertanggungjawab dan tidak turut menyebarkan sebarang perkara yang tidak disahkan oleh Kementerian ini.
8. Perbuatan menyebarkan maklumat tidak sahih, apatah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh dilaporkan di

bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjarakan tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

9. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **BruHealth** atau **healthinfo.gov.bn**.

**Marilah kita sama-sama berdoa bagi kesembuhan semua pesakit terutama sekali yang berada di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan kesembuhan sepenuhnya dan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa bebas dari wabak COVID-19.**

**- TAMAT -**

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 07 Syawal 1441H / 30 Mei 2020